

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Bertulis
- DARIPADA** : Puan Rubiah binti Haji Wang  
[ Kota Samarahan ]
- SOALAN** : Puan Rubiah binti Haji Wang minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI** menyatakan statistik program  
dan jumlah bantuan yang telah disalurkan  
kepada nelayan pantai dan sungai di  
kawasan Parlimen Kota Samarahan.
- JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah memberi beberapa jenis bantuan kepada nelayan pantai di kawasan Parlimen Kota Samarahan seperti berikut:

- i. **Program peningkatan pendapatan** dengan penglibatan ahli keluarga melalui aktiviti Industri Asas Tani iaitu pemprosesan produk berasaskan perikanan. Seramai 31 orang ahli Persatuan Nelayan Asajaya/Semera telah diberikan bantuan peralatan pemerosesan hasil perikanan bagi pengeluaran produk Keropok Ikan, Ikan Kering/Masin, Belacan dan Bebola

ikan berjumlah **RM398,000** antara tahun 2008-2014 di bawah Program Peningkatan Pendapatan.

- ii. Menyediakan pinjaman mudah iaitu **pinjaman Dana Nelayan** bagi memastikan nelayan dapat meningkatkan peralatan menangkap ikan dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran. Seramai **20 orang ahli** nelayan Persatuan Nelayan Kawasan Asajaya/Semera telah menerima pinjaman berjumlah **RM183,200**.
- iii. **Pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan** telah diberikan kepada nelayan-nelayan berdaftar di Parlimen Kota Samarahan. Mulai dari tahun 2008 sehingga tahun 2014 seramai **707 orang nelayan** berdaftar di Persatuan Nelayan Kawasan Asajaya/Semera telah menerima elaun sara hidup dengan jumlah terkumpul yang telah dikeluarkan sebanyak **RM7,299,300**.
- iv. **Pemberian Insentif Tangkapan Ikan Nelayan** sebanyak RM0.10 – RM0.20/kg diberikan kepada nelayan yang mendaratkan ikan di pusat-pusat pendaratan dalam negara. Sebanyak **RM501,478.27** insentif tangkapan ikan telah dibayar kepada nelayan yang berdaftar di Persatuan Nelayan Kawasan Asajaya/Semera.
- v. **Pemberian subsidi diesel dan petrol** dengan harga RM1.45/liter kepada nelayan yang berdaftar. Dari Januari sehingga September 2014 seramai **638 pemilik vesel** menangkap ikan berlesen yang berdaftar di Persatuan Nelayan Kawasan Asajaya/Semera telah mendapat faedah.

- vi. Di bawah Projek Ransangan Ekonomi 2009 sebanyak **3 buah jeti** dibina untuk kemudahan nelayan di Parlimen Kota Samarahan dengan **kos keseluruhan RM178,990**.
- vii. Kerajaan dalam pembentangan bajet 2012 telah meluluskan peruntukan untuk membaiki rumah nelayan di bawah **Program Khas Perumahan Nelayan**. Seramai **138 nelayan** di Parlimen Kota Samarahan telah mendapat faedah dari program ini dengan nilai bantuan baiki rumah sebanyak **RM1,186,509**.
- viii. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah menyediakan Tabung Bantuan Bencana Alam Dan Kebajikan Nelayan mulai 2009 bertujuan untuk membantu nelayan yang ditimpa bencana seperti kematian dan kerosakan bot akibat bencana alam. Seramai **37 orang** nelayan berdaftar di Persatuan Nelayan Kawasan Asajaya/Semera telah menerima bantuan dengan nilai **RM44,226**.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak turut menyediakan beberapa jenis bantuan kepada nelayan pantai di kawasan Parlimen Kota Samarahan di bawah bajet RMKe-10 melalui 2 program berikut:

- i. **Program Pembangunan Keusahawanan Perikanan** di mana pada tahun 2014, bantuan bantuan pelayaran @ GPS diberikan kepada seorang nelayan tradisional di Kampung Asajaya Laut dengan nilai RM2,850; dan
- ii. **Program Pembangunan Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan** dengan penambahbaikan premis pemrosesan hasil laut bernilai RM33,345 beserta peralatan pengendalian ikan (*steel freezer*) bernilai RM4,050 pada tahun 2011 yang diusahakan bersama oleh komuniti nelayan tersebut.

Kerajaan juga mengambil berat kebajikan penduduk di kawasan tersebut di mana masih ada ramai nelayan yang masih belum berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia. Lantaran itu, pada tahun 2011 hingga 2012 Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan lesen-lesen sampan khas baru sebanyak 172 buah kepada nelayan-nelayan di kawasan Asa Jaya yang melibat sebanyak 10 buah kampung. Pemberian lesen baru tersebut secara tidak langsung bermakna kerajaan juga dapat membantu mengurangkan beban hidup mereka dengan pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan.

Manakala bagi nelayan sungai yang dibawah seliaan Jabatan Pertanian Sarawak, bantuan khusus kepada nelayan sungai belum diberikan berikutan faktor penentuan istilah nelayan sungai. Jabatan Pertanian Sarawak masih mengumpul maklumat dan mendaftar nelayan-nelayan sungai di seluruh negari Sarawak. Jabatan Pertanian Sarawak akan menerima pakai istilah nelayan sungai yang digunakan di negeri-negeri semenanjung. Bantuan juga sudah dirancang untuk dilaksanakan di dalam RMKe-11. Mekanisme penyaluran bantuan sedang dikemaskini setelah ia diterima pakai oleh Jawatankuasa Pemandu Jabatan.

Di kawasan Parlimen Kota Samarahan, Jabatan Pertanian Sarawak sudah mendaftar seramai 380 orang nelayan sungai di mana hanya seorang sahaja yang dikategorikan sebagai nelayan separuh masa.